

Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh

Raihanah Haji Abdullah

Abstract: There are various forms of dissolution of marriages under The Islamic Family Law. Most of the forms are initiated by a husband or by mutual consent (talaq, zihar, ila', li'an and khul'). The only way a wife can obtain a dissolution of marriage without the husband's consent is through the court termination which is called Fasakh. This form particularly at the instances of the wife can only be granted on a very limited grounds which is considerably differed among the mazhab. However the grounds for the dissolution of marriages at the wife's initiative has developed and expanded into numbers of grounds since reforms in Islamic Family Law began in the 19th century. Therefore, this article attempts to discuss the development particularly when Fasakh is used to solve the problems of husband's cruelty, desertion and maltreatment.

Latar belakang

Pada dasarnya suami mempunyai kuasa eksklusif untuk menceraikan isterinya melalui cara *Talaq*. Ini bermakna seorang suami akan hanya menyatakan "saya cerai/*talaq* kamu", maka perceraian antara suami isteri akan sabit. Di dalam perbincangan *Fiqh*,

sebab-sebab untuk membolehkan seorang suami menjatuhkan *talaqnya* tidak dinyatakan. Ini bermakna seorang suami boleh menceraikan isterinya samada bersebab atau tanpa sebab. Bukan setakat itu sahaja, perceraian tersebut tidak memerlukan kepada campurtangan hakim dan juga persetujuan isteri.¹

Bagaimanapun Islam juga telah memberi hak kepada isteri untuk membubarkan perkahwinannya melalui beberapa cara iaitu *khul'*, *ta'liq* dan *fasakh*.² Ini bermakna kedua-dua suami isteri diberi hak untuk membubarkan perkahwinan mereka melalui berbagai cara. Bagaimanapun hak yang diberikan kepada seorang isteri untuk membuat tuntutan pembubaran, memerlukan sebab-sebab tertentu serta elemen-elemen sampingan yang lain seperti bayaran tebus atau pembubaran tersebut. Umpamanya *khul'*, yang mana persetujuan dari suami adalah perlu dan isteri dikehendaki membayar kepada suaminya suatu bayaran bagi tuntutan tersebut. Manakala bagi *taaliq* pula, pembubaran adalah berdasarkan kepada pelanggaran suami terhadap syarat-syarat yang telah dilafazkan. *Fasakh* pula, ialah apabila ada sebab-sebab tertentu yang telah ditetapkan oleh Syarak. Yang demikian ternyata bahawa seorang isteri adalah sukar untuk membubarkan perkahwinan mereka jika dibandingkan dengan *talaq*. Bagaimanapun pembaharuan yang berlaku terhadap undang-undang keluarga Islam sejak kurun ke 19 Masehi telah memberi peluang kepada isteri untuk membubarkan perkahwinan melalui *fasakh* atas berbagai-bagai alasan. Oleh itu untuk tujuan penulisan ini, perbincangan akan dibuat terhadap alasan-alasan untuk membubarkan perkahwinan melalui *fasakh* sebagaimana yang diperuntukan dalam undang-undang keluarga Islam.

***Fasakh* dalam Perundangan Islam**

Ibn Manzur dalam *Lisan al-Arab* menyatakan bahawa *fasakh* bererti batal (*naqada*) atau bubar (*faraqqa*).³ Apabila perkataan *fasakh* disandarkan kepada nikah maka ia akan membawa maksud membatalkan atau membubarkan pernikahan oleh sebab-sebab tertentu yang menghalang kekalnya perkahwinan tersebut.⁴

Perceraian secara *fasakh* tidak dinyatakan secara terang di dalam al-Qur'an. Tetapi prinsipnya boleh dilihat dalam Surah *al-Baqarah* ayat 231 dan *al-Nisa'* ayat 35. Ia berbeza sekali dengan cara-cara pembubaran yang lain seperti *talaq* (Surah *al-Baqarah* ayat 229), *khul'* (Surah *al-Baqarah* ayat 229), *zihar* (Surah *al-Mujadalah* ayat 1-4), *ila'* (Surah *al-Baqarah* ayat 226) dan *li'an* (Surah *al-Nur* ayat 6-9) yang telah disebut di dalam al-Qur'an dengan jelasnya. Walau bagaimanapun, *fasakh* diterima sebagai salah satu cara untuk membubarkan perkahwinan berasaskan kepada prinsip yang terkandung dalam hadis Nabi s. 'a.w. yang berbunyi: (*La darar wa la dirar*).

Pembubaran perkahwinan melalui *fasakh* memerlukan campurtangan *kadi* (hakim) atas sebab-sebab yang biasanya diketengahkan oleh seseorang isteri. Kerana itu sebagai contohnya Abu Zahrah menggunakan istilah *al-Talaq bi al-Hukm al-Qadi*,⁵ manakala al-Zuhayli pula menyebutnya sebagai *al-Tafriq al-Qada'i*⁶ apabila mereka membincangkan tentang *fasakh*. Namun ada juga yang membincangkan soal ini di bawah tajuk *al-Khiyar*.⁷

Walaupun suami juga boleh menuntut *fasakh* namun suami mempunyai hak

eksklusifnya *iaitu talaq. Fasakh* yang dituntut oleh isteri ini adalah tertakluk kepada beberapa sebab yang telah ditetapkan oleh para Fuqaha. *Fasakh* dan *talaq* ini adalah berbeza terutamanya dari efek pembubaran itu dimana *fasakh* tidak terhad kepada halangan tertentu, berbanding dengan *talaq* yang terhad kepada dua (*talaq raj'i*). Dengan kata lain suami isteri yang terubur pekahwinannya melalui metod *fasakh* boleh kembali kepada isteri dan suami yang sama untuk sekian kalinya dengan membuat akad dan mas kahwin yang baru. Bagaimanapun *fasakh* yang jatuh dalam kategori selama-lamanya seperti *fasakh* perkahwinan adik beradik kandung atau sesusuan dan juga murtad tidak boleh kembali semula.⁸ *Fasakh* kerana sebab-sebab ini tidak perlu kepada campurtangan Hakim.⁹

Di dalam Perundangan Islam, perkara-perkara yang mengharuskan untuk *fasakh* bagi suami isteri adalah berbeza antara satu mazhab dengan mazhab yang lain. Dalam Mazhab Hanafi, seorang isteri boleh memohon untuk membubarkan perkahwinan melalui cara *fasakh* hanya apabila suami yang dikahwininya itu mengalami kecacatan dan keaiban. Marghinani dalam al-Hidayah menyatakan bahawa hanya tiga penyakit sahaja iaitu mati pucuk, terpotong zakar dan terputus dua biji pelir.¹⁰ Ini bermakna dalam Mazhab Hanafi seorang isteri itu tidak boleh memohon *fasakh* atas sebab-sebab yang lain dari yang disebutkan itu sekalipun suami itu terkena penyakit sopak dan kusta. Begitu juga, seorang isteri yang telah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sewaktu umumnya belum baligh, berhak memohon *fasakh* perkahwinannya apabila sampai umur baligh. *Fasakh* seperti ini dikenali sebagai *khiyar al-bulugh*. Bagaimanapun *fasakh* kerana sebab *khiyar al-bulugh* tidak dibolehkan oleh mazhab Syafi'i dan Maliki.¹¹ Pengertian suami berpenyakit mengikut mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali mungkin agak luas sedikit, kerana ia termasuk segala penyakit seperti sopak dan kusta. Prinsip mereka dalam soal ini ialah sekiranya segala keaiban atau penyakit yang dialami oleh suami boleh menjejaskan perhubungan jenis antara mereka atau boleh berjangkit kepada isteri dan juga janin, maka isteri boleh memohon *fasakh*.¹²

Selain dari alasan di atas, ketidak mampuan suami untuk membayar nafkah, hilang atau dipenjarakan juga diterima oleh Maliki, Syafi'i dan juga Hanbali sebagai alasan untuk menuntut *fasakh*. Bagaimanapun Mazhab Maliki dan Hanbali telah menambah satu lagi alasan iaitu berlaku kemudharatan dalam rumahtangga sebagai sebab untuk memohon *fasakh*. Kemudharatan yang dimaksudkan di sini adalah kemudharatan kepada lima perkara iaitu, agama, diri, keturunan, harta, aqal (maruah).¹⁴ Keadaan ini akan berlaku, apabila pertelingkahan dalam rumahtangga wujud. Kerana itu Mustafa al-Siba'i menyebut pembubaran kerana sebab-sebab wujud unsur-unsur pertelingkahan sebagai *al-tafriq li al-syiqaq*.¹⁵ Ini bermakna sekiranya berlaku penderaan dan penganiayaan kepada isteri, maka keadaan ini boleh dijadikan alasan bagi isteri membubarkan pekahwinannya melalui *fasakh*. Nampaknya dengan adanya peruntukan dari prinsip Mazhab Maliki ini maka masalah penderaan yang berlaku dalam masyarakat hari ini dapat diselesaikan.

Reformasi Undang-undang Keluarga

Prinsip-prinsip dari Mazhab Hanafi terutamanya dalam masalah pembubaran perkahwinan ini nampaknya telah mendominasi dan menjadi pandangan yang autoriti dalam Kerajaan Turki Uthmaniyyah. Kekecualian prinsip Mazhab Hanafi ini, bagaimanapun hanya akan berlaku kepada mereka yang bukan dari Mazhab Hanafi. Umpamanya prinsip Mazhab Syafi'i akan digunakan kepada litigan Syafi'i atau mereka akan menyelesaikannya sendiri tanpa di bawa ke Mahkamah secara rasmi.¹⁶ Jika demikian, maka seseorang isteri yang bermazhab Hanafi tidak boleh memohon *Fasakh* selain dari alasan kecacatan suami. Ini bermakna jika isteri tersebut didera oleh suaminya maka ia tidak mempunyai ruang untuk keluar dari rumahtangganya. Oleh itu, terdapat beberapa tulisan seperti Anderson, Carroll dan Ahmad Ibrahim yang menyatakan tentang prinsip Hanafi dalam masalah ini sebagai "...rigid and retrogressive than those of any other schools", "...Hanafi Law is the most restrictive..." dan "The Hanafis are more rigid than even the dominant Syafi'i opinion".¹⁷

Oleh kerana itu pada tahun 1915, Kerajaan Turki Uthmaniyyah telah memulakan langkah pertama melakukan reformasi Undang-undang Keluarga. Antara perkara yang diambil perhatian ialah memperuntukkan hak pembubaran perkahwinan melalui *fasakh* sekiranya berlaku kemudaratan dalam rumahtangga berasaskan prinsip Mazhab Maliki yang berpegang kepada kaedah *takhayyur*. Susulan dari itu beberapa perundangan telah digubal dengan memasukkan alasan kemudaratan dalam tuntutan isteri untuk *fasakh* perkahwinannya. Ini boleh dilihat dalam Undang-undang Keluarga Mesir (Seksyen 6-11, No.29/1929), Tunisia (S.32, No.7/1981), Morocco (S.56), Jordan (S.132) dan Kuwait (S.126-135).¹⁵ Peruntukan yang sama juga terdapat di negeri-negeri di benua Indo-Pakistan. Umpamanya dalam Seksyen 2, Akta Pembubaran Perkahwinan Islam 1939 telah menyenaraikan 9 alasan yang boleh digunakan oleh seseorang isteri bagi membubarkan perkahwinannya. Ini bermakna bagi isteri di India, Pakistan dan Bangladesh, Akta ini sebagai suatu relief kepada mereka. Hodkinson menyebut "The Act represents a radical enhancement of her rights of dissolution..."¹⁹ Penggubalan Akta 1939 di India yang telah mengambil prinsip dari Mazhab Maliki telah mendapat sokongan dari para ulama. Ini adalah kerana sebelum penggubalan Akta 1939 ini, isteri-isteri yang terperangkap dalam rumahtangga yang tidak aman dan damai akan mengambil keputusan murtad sebagai jalan keluar dari rumahtangga mereka.²⁰ Manakala di Pakistan dan Bangladesh yang mana Akta 1939 ini dipinda dengan Ordinan Undang-undang Keluarga Islam 1961 telah menambah alasan sebagaimana dalam Seksyen 13(a) Ordinan 1961 iaitu apabila suami berpoligami dan didapati menyalahi Ordinan 1961 iaitu kebenaran daripada "Arbitration Council" tidak diperolehi.

Peruntukan *Fasakh* di Malaysia

Peruntukan tentang *fasakh*, bukanlah perkara baru. Ini adalah kerana dalam Fasal 27, Hukum Kanun Melaka alasan untuk membubarkan perkahwinan melalui *fasakh* telah diperuntukkan iaitu:

berjangkit selama tidak ada kenyataan yang terang menunjukkan relanya dengan penyakit tersebut.

c) Bahawa izin isteri terhadap perkahwinan itu telah diberi secara tidak sah samada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidak sempurnaan akal atau pun lain-lain sebab mengikut Hukum Syarak,

d) Bahawa pada masa perkahwinan itu, suami adalah seorang yang sakit otak (samada berterusan atau berselangan) dalam erti Ordinan sakit Otak 1952 dari jenis atau setakat yang menjadikannya tidak laya untuk berkahwin,

e) Atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh menurut Hukum Syarak."

Manakala dalam enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan, No.1, tahun 1983, Seksyen 38 selain dari memperuntukkan sebagaimana Undang-undang Bil.13/1984 (Perak), ia juga ada memperuntukkan alasan bahawa isteri yang telah dikahwinkan oleh bapanya atau datuknya sebelum ia cukup umur mengikut Hukum Syarak yang mana ia boleh menolak perkahwinan tersebut setelah mencapai umur 18 tahun. Penambahan kepada 3 alasan yang lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 44 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah, Bil.1/1984 iaitu:

"a) Bahawa suaminya, kerana kepapaan tidak mampu menyarainya

b) Bahawa isterinya mempunyai kecacatan yang menghalang persetubuhan dilakukan,

c) Bahawa suaminya mempunyai kemaluan yang luar biasa.

Bagaimanapun bagi negeri-negeri Terengganu, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Selangor²⁸ telah memperuntukkan alasan-alasannya dengan agak luas sebagaimana:

"a) Tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun.

b) Bahawa suami telah cuai atau tidak mengadakan peruntukan nafkahnya selama tempoh tiga tahun.

c) Bahawa suami telah dihukum penjara selama tiga tahun atau lebih

d) Bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinan (nafkah batin) selama tempoh satu tahun

e) Bahawa suami menganiayainya, iaitu antara lain:

- i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniya, atau
- ii) berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak, atau
- iii) cuba memaksa isteri hidup secara lucah, atau
- iv) melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu, atau
- v) menghalang isteri dari menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya, atau
- vi) jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak Hukum Syarak.

f) Bahawa walaupun empat bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuhi oleh kerana suami bersengaja enggan menyetubuhinya.

g) Apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau fasakh di bawah Hukum Syarak.

Dengan tersenarainya alasan-alasan tersebut, maka mudahlah bagi seseorang isteri untuk memohon *fasakh* terutamanya apabila terdapat peruntukkan "...apa-apa alasan lain..." yang dianggap sah dan munasabah.

Fasakh Kerana Keganasan yang Berlaku dalam Rumahtangga

Masalah penderaan dan penganiayaan yang dilakukan suami kepada isteri bukanlah suatu fenomena baru di Malaysia. Statistik menunjukkan bahawa kes-kes tersebut meningkat dari tahun ketahun. Bahkan kalau dilihat dari sudut pembahagian kumpulan etnik yang terlibat dengan kes sebegini, maka bangsa Melayu menduduki tangga yang teratas diikuti oleh bangsa Cina, India dan lain-lain.²⁹ Dan antara punca terbesar berlakau keganasan itu adalah kerana tiada persefahaman dalam rumahtangga. Dengan kata lain bibit-bibit pertelingkahan memang telah wujud dalam rumahtangga tersebut.

Walter, telah memberi takrif keganasan sebagai sebarang bentuk perlakuan yang mendatangkan bahaya, bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi juga melalui apa cara atau teknik yang boleh menyebabkan gangguan mental dan emosi kepada mangsa yang terlibat.³⁰ Melalui takrif ini, apa-apa sahaja perlakuan yang boleh mendatangkan bahaya kepada mangsa adalah suatu keganasan. Bukan setakat itu sahaja, mana-mana perbuatan yang menyekat dan menafikan hak dan kebebasan seseorang itu juga dianggap sebagai suatu keganasan.³¹ Ini bermakna jika seseorang itu dengan sengaja tidak memberi nafkah dan seumpamanya, maka perbuatan ini juga dianggap sebagai keganasan. Yang demikian, keganasan telah berlaku apabila hak-hak individu dalam satu-satu rumahtangga telah dicabuli, diderai dan disakiti samada ia berbentuk fizikal, emosi dan seksual.

Di Malaysia, terdapat kes-kes serius yang telah dilaporkan berlaku seperti ditikam sehingga terkeluar tali perut, ditendang hingga keguguran, ditumbuk, disiram air panas, ditetak dengan senjata tajam dan sebagainya. Dalam keadaan sebegini, isteri mempunyai hak untuk membubarkan perkahwinannya melalui *fasakh* sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 52, Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984. Dalam kes *Hairun bt. Mohd Shariff lawan Omar Mohd Noor*³², Mahkamah Kadi Kelang telah menolak permohonan *fasakh* kerana Yang Ariff Hakim berpendapat bahawa tindakan memukul yang dilakukan suami sebanyak dua kali belum lagi diertikan sebagai "lazim menyakiti" di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor. Bagaimanapun rayuan telah dibuat, dan Jawatankuasa Rayuan berpendapat bahawa Yang Ariff Hakim telah tersilap membuat tafsiran terhadap maksud "lazim menyakiti". Mereka juga berpendapat "jika sesuatu perkahwinan itu ternyata telah gagal dan tujuan suci serta matlamat murninya tidak tercapai, sebaliknya ianya menimbulkan mudarat, kesusahan, penderitaan, pertengkaran, pukul memukul, maki hamun dan perkelahian yang berpanjangan, maka ada baiknya berpisah dengan cara yang baik dan bertimbangrasa, sebagai jalan penyelesaian terakhir". Oleh itu Jawatankuasa Rayuan berpendapat bahawa serangan fizikal yang dilakukan suami adalah penganiayaan mengikut Enakmen Keluarga Islam Selangor dan akhirnya permohonan isteri untuk *fasakh* perkahwinan dibenarkan.

Begitu juga dalam kes *Rosilah Abu Kassim lawan Abdul Rahman Ibrahim*³³ di mana perayu (isteri) telah memohon *Fasakh* kerana suami tidak memberi nafkah dan pernah menggugut akan membunuh atau mencederakan isteri jika ia membuat aduan kepada Pejabat Kadi, Setelah mendengar hujjah, mahkamah telah memerintahkan membentuk satu Jawatankuasa Pendamai. Dalam laporan Jawatankuasa tersebut menyatakan bahawa mereka gagal untuk berdamai dan mencadangkan suapaya diputuskan samada dengan cerai biasa atau tebus *talaq*. Yang Ariff Hakim telah menolak permohonan isteri kerana isteri gagal untuk membuktikan salah satu peruntukan yang terdapat di dalam Seksyen 52, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983. Bagaimanapun Jawatankuasa Ulangbicara telah memutuskan bahawa "ternyata adanya sebab yang kuat untuk menggunakan Seksyen 52(h)(i) yang berbunyi...lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita di sebabkan oleh kelakuan aniaya... dan cerai 1 yang berbunyi... apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi *fasakh* di bawah Hukum Syarak". Oleh itu Jawatankuasa Ulangbicara memutuskan supaya dilakukan perceraian biasa

mengikut prosedur dalam Seksyen 47(1) Enakmen 1983.

Dalam dua kes yang berlaku di India, *Umar bibi* lawan *Mohammad Din* dan *Sayeeda Khanam* lawan *Muhammad sami*³⁵, Mahkamah Tinggi Lahore telah menolak keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rendah. Dalam kedua-dua kes ini, isteri telah memohon untuk membubarkan perkahwinan melalui Seksyen 2(ix) Akta pembubaran Perkahwinan Islam 1939 kerana perkahwinan mereka sudah tidak ada persefahaman dan keserasian. Begitu juga dalam kes kedua isteri tidak dapat membuktikan bahawa dia telah didera oleh suaminya. Oleh kerana itu Hakim Daerah telah menolak permohonan isteri untuk membubarkan perkahwinan tersebut. Melihat kepada kedua-dua kes ini, carroll berpendapat bahawa walaupun undang-undang telah memperuntukkan satu senarai alaan-alasan bagi isteri membubarkan perkahwinannya namun dari segi realitinya, Mahkamah sukar untuk membenarkan permohonan isteri.³⁶ Keadaan ini boleh dilihat dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood* lawan *Faridah binti Dato' Talib*³⁷, yang mana isteri mendakwa telah diserang dan serang sentuh oleh suaminya. Dengan itu isteri memohon pembubaran perkahwinan melalui Mahkamah. Oleh kerana kes ini membincangkan bidangkuasa Mahkamah dalam membicarakan kes ini dan isteri masih terus lagi diserang sentuh, menyebabkan dia mengambil keputusan untuk keluar dari Islam (murtad). Keputusannya ini hanyalah untuk mengelakkan dari diserang berterusan dan membubarkan perkahwinan apabila Mahkamah tidak dapat memutuskan tentang kes tersebut.

Kesimpulan

Dengan adanya peruntukan yang di ambil dari prinsip mazhab Maliki ini, maka isteri-isteri yang rumahtangganya tidak bahagia terutamanya disebabkan oleh penganiayaan akan dapat diselesaikan. Bagaimanapun kalau dilihat dari takrif yang di nyatakan sebelum ini berhubung dengan konsep keganasan maka ini bermakna manamana peruntukan yang boleh menggambarkan wujud penderaan dan penganiayaan akan membawa maksud sebagai "penderaan". Tidak kiralah samada suami tidak membayar nafkah, suami hilang, suami menjatuhkan maruah atau sebagainya maka ini sudah boleh dimaksudkan sebagai suatu penganiayaan dan penderaan. Dengan kata lain perkara-perkara tersebut boleh mendatangkan kemudaratannya rumahtangga terutama sekiranya isteri yang menjadi mangsa. Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa yang dimaksudkan dengan "*darar syarie*" itu ialah bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh Hukum Syarak. Perkara-perkara ini boleh dilihat umpamanya dalam Seksyen 52 Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 telah menyenaraikan alasan-alasan yang boleh membubarkan perkahwinan melalui *fasakh*. Alasan-alasan tersebut bolehlah kita rangkumkan didalamnya empat aspek utama iaitu: Kerana keaiban dan kecacatan suami, kerana suami hilang atau dipenjarakan, kerana berlaku dharar kepada isteri dan kerana suami tidak membayar nafkah. Keempat-empat aspek ini adalah yang dikatakan termasuk di dalam definisi al-Shatibiy dan Walter sebagai keganasan iaitu menyentuh fizikal,

mental dan emosi. Tetapi malangnya walaupun undang-undang telah memperuntukkan *fasakh* namun kes-kes yang diputuskan melalui *fasakh* untuk tahun 1995 hanyalah 3 kes sahaja jika dibandingkan dengan *khlu'*. Ini berlaku kerana mengikut Prof. Madya Redzuan Awang, proses *fasakh* di Mahkamah mengambil masa jika dibandingkan dengan *ta'liq* dan *khul'*.³⁸ Bagaimanapun Sulaiman Endut menyatakan "kejahilan mengenai hak sebagai seorang wanita menyebabkan ramai wanita ditindas, ditipu, ditinggal dan digantung tidak bertali oleh suami".³⁹ Oleh itu, apakah ini bermakna isteri-isteri memang tidak tahu fungsi *fasakh* bagi membubarkan perkahwinan mereka atau kerana memang benar prosesnya merumitkan!

NOTA HUJUNG

1. Ali al-Khafif, *Furaq al-Ziwajfi al-Madhahib al-Islamiyyah*, 1957, m.s.10; Abu Zuhrah, *al-Ahwal al-Syakhsiiyyah*, 1957, Dar al-Arabiy, m.s.277 juga al-Zuhayli, Wahbah, *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*, 1989, Juz:7, Dar al-Fikr, hal.347
2. Syekh Muhammad bin Umar 'Utayni, *Huquq al-Mar'ah fi al-Ziwaj*, t.t, Dar I'tisam, hal. 303.
3. Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, 1994, juz:3, Dar al-Fikr, hal. 45
4. Khallaf, Abdul Wahab, *Ahkam al-Ahwal al-Syakhsiiyyah fi al-Shariati al-Islamiyyah*, 1990, Dar al-Qalam: Kuwait, hal. 160.
5. Abu Zqhrh, *op.cit.*, hal.347.
6. al-Zuhayli, *opcit.*, hal.509.
7. Lihat sebagai contohnya dalam al-Nawawi, *Minhaj al-Talibin*, al-Haramain, t.t, hal.85 dan juga Abu Shuja', *al-Iqna*, juz; 2, hal. 129.
8. *Ibid.*
9. Khallaf, Abdul Wahab, *op.cit.*, hal. 167.
10. al-Marghinani, *al-Hidayah*, t.t.juz:1, hal. 26.
11. Ali Khafif, *op.cit.* hal. 319.
12. Contohnya keterangan lihat dalam Ibn Qudamah, *al-Mughni*, hal.585, juz:7; juga lihat dalam Taj, Abdul Rahman,
13. Taj, Abdul Rahman, *al-Syariah al-Islamiyyah fi al-Ahwal al-Shakhsiiyyah*, 1952, Dar al-Ta'lif, hal.367-378; Abdul Kadir Muhammad, "fasakh kerana ketidak mampuan memberi nafkah dan kecacatan suami" dalam *Monograf Syariah*, 2, Mei 1994, hal.107.
14. Abu Ishaq al-Syatibi, *al-Muafaqat fi Usul al-Shariah*, juz:4, hal. 28-30.
15. Dr. Mustafa al-Sibai'e, *al-Mar'ah baina al-Fiqh wa al-Qanun*, 1962, al-Maktabah al-Islamiyy: Damsyik, hal.144.
16. Lihat Anderson, "Recent Developments in Shariah Law V" dalam *The Muslim World*, Vol: XLI, hal. 271.
17. J.N.D. Anderson, "Recent Developments in Shariah Law V" dalam *The Muslim World*, vol:XLI, hal.271 Lucy Carroll, "Qur'an 2:229, A Charter granted to the wife, judicial Khulu' in Pakistan" dalam *Islamic Law and Society*, vol:3, No.1, 1996, hal.91 dan Ahmad Ibrahim, "Fasakh for failure to maintain" dalam *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 1970, hal. 329.

18. Untuk keterangan lanjut dan peruntukan tambahan bagi Seksyen-seksyen tersebut lihat J.J.Nasir, *The Islamic Law of Personal Status*, 1990, London:Graham & Trotman, hal-hal. 125-141.
19. Hodkinson, K., *Muslim Family Law, A Sourcebook*, 1984, Croom Helm: London, hal. 224.
20. Lucy Carroll, "Muslim Women and Judicial Divorce: An Apparently Misunderstood Aspect of Muslim Law" dalam *Islamic & Comparative Law Quarterly*, 1988, vol:5, hal. 226.
21. G.W.J.Drewes, "On a recent Edition of the Undang-undang Melaka" dalam *JMBRAS*, vol:LIII, Part 1, 1980, hal. 40.
22. Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, 1991, DBP:KL.
23. Alwi Sheikh al-Hady, *Malay Customs and Traditions*, 1962, Eastern Universities Press, Singapore, hal.49.
24. R.J.Wilkinson, "Law, Introduction Sketch" dalam *Papers on Malay Subject*, 1922, hal. 3.
25. Suatu Ordinan yang memperuntukkan tentang pendaftaran, perceraian dan kesannya terhadap harta dan juga perlantikan kadhi. Ordinan ini terpakai untuk-untuk orang Islam yang menetap di Negeri-negeri Selat.
26. Lihat dalam E.N.Taylor, "Mohammedan Divorce by Khulu'" dalam *JMBRAS*, vol. XXI, Pt.2, hal.6, lihat juga dalam kes Rokiah Iwn Abu Bakar dalam *Ibid*, hal. 10.
27. Lihat Ahilemah Joned, "Keupayaan dan Hak Wanita untuk Berkahwin: Indah Khabar dari Rupa" dalam *Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim*, DBP:KL,1988, hal. 2.
28. Sek.49 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu, 1985; Sek. 52 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang,Bil2/1985; Sek.52, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984; Sek.52, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan. 1983 dan Sek.52 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor, 1984.
29. Utusan Malaysia, 19.8.1996, hal. 21.
30. Lihat dalam Freeman, M.D.A. *Violence in the Family*, Saxon House: England, (1979), hal.1.
31. Wallace, H, *Family Violence, Legal, Medical and Social Perspectives*, 1996, Allyn Bacon: U.S.A., hal.2.
32. Kanun, *Jurnal Undang-undang Malaysia*, (1993), hal. 163.
33. (1991) 8 JH 249
34. ILR (25,Lahore) 1944, 542
35. PLD 1952, Lahore, 113
36. Lucy Carroll, "Quran 2:229: A Charter granted to the wife? Judicial Khulu' in Pakistan" dalam *Islamic Law and Society*, 1996, vol:3, NO.1. hal. 90.
37. Lihat dalam Kanun:Jurnal Undang-undang Malaysia. 1993, (1) hal. 79.
38. Lihat *Dakwah*, 1996, Bil 226, hal-hal. 14-15.
39. Utusan Malaysia, 9.9.1996.